

Projek landasan elektrik punca banjir – Azizan

ALOR SETAR 5 Nov. – Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) di beberapa kawasan dalam daerah ini antara faktor yang memburukkan lagi keadaan banjir di kawasan itu sehingga menyebabkan banyak taman perumahan ditenggelami air melibatkan lebih 10,000 penghuninya.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak memberitahu, ini kerana limpahan air akibat banjir tidak dapat mengalir kerana di tapak projek tersebut tidak terdapat saluran air yang besar.

“Selain air yang turun ke sini (Kota Setar) kesan daripada banjir di Kubang Pasu dan Padang Terap, satu faktor lagi ialah pembinaan landasan ketetapi berkembar di daerah ini kerana pada tahun 2005 pun berlaku banjir tetapi ia tidak teruk sebegini.

“Banyak taman perumahan dan kawasan di sekitar tapak projek berkenaan ditenggelami air, malah ada taman-taman yang dahulu tidak pernah banjir, kali ini habis



AZIZAN ABDUL RAZAK

tenggelam,” kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat banjir melibatkan Exco Kerajaan Negeri Kedah, ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan dan wakil-wakil rakyat di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darulaman di sini, hari ini.

Antara kawasan dan taman-taman

perumahan yang menerima kesan daripada projek berkenaan ialah Taman Rakyat, Taman PKNK, Taman Uda dan Taman Muhibbah manakala kediaman Azizan sendiri di Jalan Sultanah turut dinaiki air.

Sehubungan itu, kata Azizan, pihak yang terlibat dalam projek tersebut iaitu syarikat MMC-Gamuda JV Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda) diminta supaya segera membina saluran yang dapat menyalurkan air ke tempat saluran atau sungai untuk mengatasi banjir di kawasan berkenaan.

“Jika syarikat berkenaan tidak berbuat demikian, Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) akan diarahkan membuat saluran air di kawasan berkenaan,” tambah beliau.

Mengulas mengenai banjir di Kedah secara keseluruhannya, Azizan berkata, pihaknya yakin dalam masa lima atau enam hari lagi, keadaan akan pulih seperti biasa sekiranya tidak ada lagi hujan.

“Ia bergantung kepada keadaan, jika masih hujan, mungkin banjir akan berlarutan,” tambah beliau.

Keadaan di Perlis dan Kelantan semakin pulih

Banjir di Kedah semakin buruk.

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH, MARZITA ABDULLAH dan RAHANA MOHD. DAHARI
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Banjir yang melanda Kedah semakin buruk apabila mangsa yang dipindahkan meningkat daripada 28,000 semalam kepada 39,783 hari ini.

Peningkatan mendadak itu berikutan penambahan jumlah mangsa banjir di dua daerah di negeri itu iaitu Kubang Pasu yang mencatatkan peningkatan kepada 21,111 orang melibatkan 5,740 buah keluarga dan di Kota Setar seramai 16,436 orang (4,047 keluarga).

Jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara berkata, sehingga pukul 4 petang ini sebanyak 100 pusat penempatan banjir dibuka dan daripada jumlah itu 50 buah di Kubang Pasu, Kota Setar (34 buah), Padang Terap (lapan buah), Pokok Sena (tujuh buah) serta sebuah di Pendang.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Alor Setar mendapati banyak jalan serta premis kerajaan dinaiki air termasuk Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah di Jalan Stadium dan Bangunan Persekutuan.

Tinjauan juga mendapati air Sungai Raja di tengah pusat bandar raya turut melimpah.

Semakin banyak jalan-jalan utama di Kota Setar, Kubang Pasu dan Po-



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bertanya khabar kepada mangsa selepas melawat pusat pemindahan bencana di Sekolah Kebangsaan Sena, Kangar, semalam. Turut hadir Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Md. Isa Sabu.

kok Sena ditutup kepada kenderaan manakala jalan di Bulatan Teluk Wanjah dan bulatan berhampiran Bank Simpanan Nasional di bandar raya itu digenangi air tetapi masih

boleh dilalui.

Berikutan banjir itu, kediaman-kediaman di Kota Setar, Pokok Sena dan Pendang mengalami masalah bekalan air bersih termasuk Hos-

pital Sultanah Bahiyah (HSB) dengan sekurang-kurangnya 55 pesakit terpaksa dipindahkan ke hospital-hospital berdekatan bagi membolehkan mereka mendapat rawatan terbaik.

Sementara itu di PERLIS, banjir semakin surut dan 16 pusat pemindahan di negeri itu ditutup hari ini menjadikan 41 pusat masih beroperasi dengan menempatkan 11,965 mangsa banjir daripada 2,101 keluarga.

Pengarah Jabatan Pengairan Saliran (JPS) negeri, Ir. Nishad Mohamed Shaffy berkata, banjir di negeri itu dijangka surut sepenuhnya dalam tempoh tiga hari ini namun ia bergantung kepada keadaan pasang surut air laut dan jika cuaca baik.

Situasi sama berlaku di KELANTAN apabila banjir semakin pulih dengan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan kekal 23 orang daripada tiga buah keluarga.

Jurucakap bilik gerakan banjir berkata, kesemua mereka kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tok Deh, Pasir Mas.

Beliau berkata, paras air Sungai Golok juga semakin surut tetapi masih melepasi paras bahaya iaitu 9.32 meter berbanding 9 meter.

“Semua jalan juga sudah dibuka dan boleh dilalui oleh kenderaan ringan,” katanya.

Jurucakap itu memberitahu, sehingga lewat petang ini tiada penambahan jumlah sekolah yang ditutup dan ia kekal sebanyak 13 buah seperti semalam.

Bekalan air di Hospital Sultanah Bahiyah kritikal

ALOR SETAR 5 Nov. – Masalah kekurangan bekalan air sejak empat hari lalu di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini semakin kritikal dengan 55 pesakit setakat ini terpaksa dipindahkan ke hospital-hospital berdekatan bagi membolehkan mereka mendapat rawatan terbaik.

Pengarah HSB, Dr. Juita Ghazalie berkata, hospital itu pada masa ini memerlukan sekurang-kurangnya 25 tangki air bersih sehari bagi kelancaran operasi dan perkhidmatan yang

ditawarkannya.

Bagaimanapun, katanya, setakat pagi ini, Syarikat Air Darul Aman (SADA) Sdn. Bhd. hanya mampu membekalkan lima tangki air.

“Keadaan menjadi lebih sukar kerana air yang dihantar tidak dapat dipamkan ke tangki simpanan utama untuk disalurkan ke wad-wad dan bilik operasi.

“Kakitangan hospital terpaksa mengangkut air menggunakan timba di bangunan setinggi tujuh tingkat,”

katanya ketika ditemui selepas menerima kunjungan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom di hospital itu hari ini.

Seluruh Kota Setar, Pokok Sena dan sebahagian kawasan di Pendang ketiadaan bekalan air paip sejak Rabu lalu berikutan pemberhentian operasi Loji Bukit Pinang akibat ditenggelami air.

Pemberhentian operasi Loji Bukit Pinang bukan sahaja disebabkan ia

ditenggelami air malah bacaan NTU atau sukatan kekeruhan air sudah terlalu tinggi.

Menurut Juita, pihak hospital amat memerlukan bekalan air bersih untuk pelbagai kegunaan khususnya bagi melakukan ujian tertentu dan menjalankan rawatan hemodialisis.

Selain itu, katanya, Unit Rawatan Rapi turut menghadapi masalah kerana pendingin hawa tidak dapat dihidupkan ekoran ketiadaan air untuk disalurkan ke penyejuk tanpa beku.

“Pendingin hawa yang tidak dapat dihidupkan juga boleh mengakibatkan mayat yang disimpan berbau. Sehingga kini hanya satu daripada empat alat itu berfungsi dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat,” katanya.

Juita berkata, berikutan kesulitan itu, pihaknya mengambil keputusan menghantar pesakit yang kritikal, bayi baru lahir dan tidak cukup bulan serta yang akan menjalani pembedahan ke hospital-hospital berdekatan.

Polis tubuh unit khas

ALOR SETAR 5 Nov. – Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan satu unit khas bagi memastikan rumah yang ditinggalkan oleh mangsa-mangsa banjir selamat ketika mereka berpindah ke pusat-pusat pemindahan banjir.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Hussin Ismail berkata, pihaknya sudah menempatkan anggota untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang dilanda banjir di negeri Kedah.

“Rondaan akan dibuat dengan menggunakan kereta peronda polis untuk memantau keadaan.

“Bagi kawasan yang dinaiki air, pihak polis akan menggunakan trak polis atau bot-bot daripada unit marin untuk meninjau keadaan keselamatan di kawasan yang terjejas akibat banjir,” katanya.

Menurut Hussin, setakat ini, lebih 100 anggota polis dari luar Kedah diminta untuk memberi bantuan termasuk ditempatkan di pusat-pusat penempatan banjir.

“Di pusat penempatan banjir juga, kita akan letakkan anggota bagi memudahkan orang ramai membuat aduan tentang kehilangan harta benda yang dibawa ke situ,” katanya.

Jelasnya, sehingga kini, kesemua balai polis utama di daerah terlibat masih beroperasi seperti biasa dan tiada yang terjejas akibat banjir.

“Difahamkan, hanya pondok polis yang terlibat tetapi balai-balai polis daerah masih beroperasi seperti biasa.

“Kita juga akan menghantar lebih banyak bantuan kepada pasukan polis Kedah jika keadaan memerlukan,” katanya.

Banjir: Syabas hantar air bersih ke Kedah, Perlis

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) mengambil inisiatif membekalkan air bersih kepada mangsa banjir di Kedah dan Perlis menerusi satu misi bantuan kemanusiaan bermula hari ini.

Misi itu dikendalikan Rejimen Pengendali Air Ke-60 dari Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) Askar Wataniah (AW) dan Rejimen Pakar Pengendali Keretapi Ke-50 RAJD (AW) dan turut mendapat kerjasama Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) serta Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Swan).

Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin berkata, misi bantuan pada peringkat pertama itu melibatkan 10 buah lori tangki air, 50 buah tangki statik serta 50,000 liter air minuman sumbangan Syabas.

Selain itu, menurutnya, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA-PP) turut menyumbang 600 kotak air minuman serta dua lori tangki air manakala Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan lapan gerabak bagi tujuan penghantaran bantuan itu.



REJIMEN Pakar Pengendalian Air ke 60 RAJD bersama Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi Ke-50 RAJD dan Syabas menghantar misi bantu mangsa banjir ke Kedah dan Perlis di Ibu Pejabat Syabas, Kuala Lumpur, semalam.

“Tentera Darat dipertanggungjawabkan menerajui misi ini. Saya berharap latihan berterusan yang dilaksanakan dalam situasi sebenar ini akan menguji keupayaan Rejimen

Pakar RAJD dalam mengendalikan bencana,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Latihan Berterusan Rejimen Pakar Pengendalian Keretapi

Ke-50 RAJD (AW) dan Rejimen Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (AW) sempena misi bantuan kemanusiaan ke Kedah dan Perlis di sini hari ini.



TIGA kanak-kanak yang ghairah bermain air beredar selepas diberi amaran oleh Mohd. Johari Baharum (tengah) di Jalan Hutan Kampung, Alor Setar, Kedah, semalam.

Jangan biar anak main air – Johari

ALOR SETAR 5 Nov. – Ibu bapa diingatkan supaya sentiasa mengawasi anak-anak dan tidak membenarkan mereka bermain air terutama berhampiran tali air dan sungai pada musim banjir ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom berkata, ini kerana masih terdapat kanak-kanak yang bermain banjir tanpa disedari ibu bapa masing-masing.

Katanya, perkara itu amat dikesali kerana perbuatan tersebut boleh mengundang bahaya.

“Ibu bapa jangan cuai mengawal anak-anak pada musim tengkujuh ini.

“Kealpaan mereka boleh mengundang padah,” katanya ketika meninjau banjir di daerah ini dan Kubang pasu hari ini.

MAS batal penerbangan ke Alor Setar

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Semua penerbangan Malaysia Airlines (MAS) keluar dan masuk ke Alor Setar masih dibatalkan ekoran lanjutan penutupan Lapangan terbang Sultan Abdul Halim.

MAS dalam satu kenyataan, di sini hari ini berkata penumpang-penumpang yang terjejas akibat pembatalan itu boleh menukar tiket mereka untuk penerbangan keluar atau masuk ke Pulau Pinang atau Langkawi.

Bagaimanapun menurutnya lain-lain perkhidmatan di lapangan terbang tidak termasuk dalam tawaran itu.

Menurutnya, mereka yang sudah membuat tempahan boleh menukar tarikh penerbangan tanpa sebaran bayaran walau apa jenis tiketnya sehingga 15 November ini atau mereka boleh dapatkan kembali wang bagi tiket yang sudah dibayar mengikut prosedur pemulangan biasa, bergantung jenis tiket.

Ia juga menggesa orang ramai supaya sentiasa berhubung dengan Pusat Panggilan 24 jam syarikat itu dengan menelefon 1 300 88 3000 (dalam Malaysia) atau +603 7843 3000 (di luar Malaysia) atau datang sendiri ke pejabat jualan tiket sebelum terus ke lapangan terbang.

Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim ditutup sejak Selasa selepas paras air mulai naik di beberapa bahagian di landasannya itu. – BERNAMA

KTM nafi landasan berkembar punca banjir

KUALA LUMPUR 5 Nov. – Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad hari ini menafikan dakwaan bahawa pembinaan landasan berkembar elektrik di beberapa daerah di Kedah sebagai punca kejadian banjir besar di negeri itu.

KTM Berhad berkata, kejadian bencana alam itu tidak langsung disumbangkan oleh Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar yang sedang dijalankan kerana bencana alam serupa turut melanda negara jiran iaitu Thailand serta Kelantan dan Terengganu.

Dari aspek sistem saluran, pemaju projek iaitu syarikat MMC-Gamuda Joint Venture telah melaksanakannya dan struktur yang dibina adalah mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kata KTM Berhad dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kerajaan PAS Kedah hari ini mendakwa banjir buruk yang kini melanda negeri itu adalah disebabkan kerja pembinaan landasan kereta api berkembar yang sedang berjalan.

Sehubungan itu, kerajaan negeri menggesa kontraktor landasan kereta api berkembar itu, MMC-Gamuda Joint Venture (Gamuda) membesarkan saluran air supaya air banjir dapat disalurkan ke sungai dengan cepat.

KTM Berhad berkata, banjir besar yang melanda Kedah dan Perlis adalah berpunca daripada cuaca buruk luar biasa dan pembukaan empangan yang mana paras airnya berada di tahap bahaya untuk menaikkan paras air sedia ada.

Syarikat pengangkutan itu turut menanggung kerugian mencecah jutaan ringgit apabila bencana banjir turut menyebabkan berlakunya kerosakan pada struktur dan landasan baru yang sedang dibina.

“Projek yang bermula pada hujung 2008 itu, kini telah mencapai kemajuan 54 peratus secara keseluruhannya, namun disebabkan kejadian banjir luar biasa itu, kerja-kerja projek juga telah tertangguh,” kata kenyataan itu.

Perkhidmatan tren KTM Berhad juga terjejas apabila sebanyak 20 perkhidmatan tren menuju ke arah utara terpaksa dibatalkan berikutan bencana alam itu.